



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

MY BEST BUY INISIATIF MAFI WUJUDKAN RUANG PASARAN KEPADA USAHAWAN IKS

PUTRAJAYA, 3 MEI 2021 -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini melancarkan Program My Best Buy (MBB) yang berkonsepkan pasar pilihan rakyat yang menawarkan pelbagai produk pertanian dan bukan pertanian bagi keperluan setempat dengan harga yang istimewa dan berpatutan.

Pelancaran MBB di Lobi Wisma Tani di sini, merupakan salah satu program yang dilaksanakan oleh FAMA bagi membantu rakyat di kawasan bandar dan luar bandar menangani kesan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat.

MBB telah dilaksanakan di 188 buah lokasi di seluruh negara dengan Wilayah Persekutuan dan Selangor menjadi negeri yang paling banyak menganjurkan program ini.

Lima matlamat utama MBB adalah menjadi antara pusat pemasaran hasil pertanian keluaran setempat secara terus kepada pengguna; penjimatan di antara 5% hingga 20% bagi produk agromakanan yang terpilih iaitu lebih murah dari harga pasaran.

MBB juga mampu untuk mewujudkan ruang pasaran kepada usahawan baru dan sedia ada terutamanya dari kumpulan agropreneur muda dan B40; MBB diwujudkan sebagai lokasi untuk usahawan dan pengilang tempatan bagi mempromosi produk keluaran yang terkini dengan kualiti yang lebih baik dan MBB juga menawarkan satu kaedah pembayaran terkini iaitu secara digital di beberapa lokasi terpilih.

Sejak dimulakan pada tahun 2014 hingga tahun 2020, nilai jualan yang dicatatkan berjumlah RM76.84 juta dan melibatkan 2,746 usahawan dengan jumlah pengunjung seramai 4.5 juta.

Bagi memperluaskan lagi program MBB pada tahun ini, program ini turut difokuskan kepada lokasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Kem Tentera, Program Perumahan Rakyat (PPR), Kawasan perumahan serta Pejabat kerajaan.

Antara lokasi tersebut adalah di Universiti Malaysia Pahang, Universiti Sains Islam Malaysia Negeri Sembilan, Kem Terendak Sg Udang Melaka, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, PPR Rugading dan PPR Telipok Ria di Sabah, kuarters perumahan polis dan perkarangan muzium di seluruh negara.

Pada majlis sama, Ronald turut melancarkan melancarkan Buku Inspirasi Agropreneur Muda dan Buku Lembaran 2020.

Buku Inspirasi Agropreneur Muda, adalah kali pertama diterbitkan iaitu bagi penerima bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2020.

Seramai 198 usahawan telah dipilih oleh jabatan dan agensi dibawah MAFI dimana buku ini juga akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak terutama para agropreneur muda di seluruh negara.

Usahawan-usahawan ini telah berjaya melonjakkan pendapatan daripada usaha gigih mereka menjalankan projek dalam sektor pertanian, ternakan, perikanan dan industri makanan.

Buku Lembaran 2020 pula bertujuan untuk merakamkan usaha yang telah dilaksanakan oleh Unit Agropreneur Muda dengan kerjasama semua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian sepanjang tahun 2020.

Pada sidang media selepas majlis itu, Dr Ronald juga menjelaskan mengenai Pembiayaan Agro-YES berjumlah RM21 juta yang telah dilancarkan pada 18 Mac lalu sebagai salah satu inisiatif MAFI melalui Agrobank untuk menarik minat lebih ramai golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun bagi mengembangkan projek pertanian atau agromakanan mereka yang sedia ada.

Beliau berkata program pembiayaan Agro-YES ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan di luar jangkaan, dimana dalam masa 40 hari sahaja setelah dilancarkan, sebanyak 196 permohonan telah diterima.

“Daripada jumlah permohonan tersebut, 94 permohonan telah diluluskan manakala 4 permohonan lagi telah diproses dan hanya menunggu kelulusan. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan pemohon yang berjaya mendapat pembiayaan kali ini adalah 98 orang,” kata Dr Ronald.

Justeru itu, bagi pemohon-pemohon lain yang tidak dapat ditawarkan Agro-YES pada kali ini, pihak Agrobank akan menawarkan pakej pembiayaan lain yang bersesuaian berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan, termasuk kemudahan Skim AgroMakanan di bawah PENJANA dan Kemudahan AgroFood (AF).

Tambah Dr Ronald, pihak Kementerian juga akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan peruntukan tambahan program Pembiayaan Agro-YES supaya ianya dapat dimanfaatkan kepada mereka yang telah mengemukakan permohonan serta pemohon lain yang berminat.

Disediakan oleh :
Unit Komunikasi Korporat MAFI
3 MEI 2021